

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1 & 5

TARIKH : 22 MAC 2021

HARI : ISNIN


SENTIMEN : POSITIF

PRESTASI PTPTN MEMBANGGAKAN!

Prestasi Jumlah Deposit SSPN
catat peningkatan 45.48%

Kami juga merancang untuk
meraikan setiap perayaan di
Malaysia menerusi kempen
berbeza mengikut pelbagai
kaum yang merupakan
pendeposit SSPN.

- Ahmad Dasuki Abdul Majid
Ketua Eksekutif PTPTN



TABUNG
Pendidikan

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak mahu dilihat sebagai pemberi pinjaman dan pengutip hutang semata-mata, sebaliknya menjadi tabung pendidikan unggul untuk rakyat Malaysia.

Kerjasama dan sokongan padu pelbagai pihak diperlukan bagi meneruskan usaha membudayakan penabungan dalam kalangan rakyat di negara ini.



PTPTN penuhi keperluan pelanggan

Sedia insentif kelahiran anak baharu dilahirkan, teruskan program CSR

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyusun pelbagai program promosi seperti menyediakan insentif kelahiran baharu dalam bentuk akaun Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-I) untuk setiap anak baharu yang dilahirkan.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, insentif tersebut merupakan hasil kerjasama dengan kerajaan negeri seperti Perak, Kedah, Johor, Melaka dan Terengganu bagi memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan.

Menurutnya, setiap kerajaan negeri menyediakan sebanyak RM100 atau lebih namun ia bergantung kepada dasar negeri itu sendiri.

"Wang yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk setiap anak kelahiran baharu akan dimasukkan ke dalam akaun SSPN-I.

"Ibu bapa boleh terus membuat tambahan simpanan untuk anak mereka melalui akaun yang telah dibuka melalui insentif ini.

"Gerak kerja di peringkat negeri juga akan terus giat dilaksanakan dengan kaedah promosi secara dalam talian untuk memastikan ibu bapa terus membuka akaun ini," katanya kepada Sinar Harian.

Dalam masa sama, Dasuki berkata, usaha bagi memastikan Kementerian dan agensi kerajaan memilih SSPN sebagai insentif kepada penerima anugerah

perkhidmatan cemerlang akan diteruskan.

Tambahnya, kerjasama strategik juga dijalankan untuk memastikan PTPTN sentiasa dilihat sebagai agensi yang mengutamakan sikap harmoni dalam semua urusan.

"Kami juga merancang untuk meraikan setiap perayaan di Malaysia menerusi kempen berbeza mengikut pelbagai kaum yang merupakan pendeposit SSPN.

"Sebagai contoh, Kempen Gong Xi Ang Pow SSPN sempena sambutan Tahun Baru Cina pada Februari lalu dan Kempen Ganjaran Kesetiaan SSPN-I 2021 di mana tempoh promosinya adalah sehingga 30 April 2021," ujarnya.

Menurut Ahmad Dasuki, pendeposit SSPN-I yang memenuhi syarat kelayakan akan menerima Ganjaran Kesetiaan SSPN-I 2021 sebanyak 1% atas simpanan yang dibuat dalam tempoh promosi tersebut. Selain itu, kempen sedia ada seperti Cabutan WOW! SSPN-I Plus, Kempen Jom Beraya Jom Menyimpan dan Bulan Menabung SSPN diteruskan.

Katanya, ini kerana program tersebut merupakan identiti PTPTN dan hadiah berbeza akan ditawarkan mengikut keadaan semasa.

Selain itu, jelasnya, PTPTN menitikberatkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) terhadap masyarakat sekeliling.

"PTPTN akan meneruskan program CSR



PTPTN akan meneruskan program CSR pada tahun ini seperti Program Jelajah Ramadan, Program 'Back To School' dan Program Jelajah SSPN



AHMAD DASUKI

pada tahun ini seperti Program Jelajah Ramadan, Program 'Back To School' dan Program Jelajah SSPN.

"PTPTN akan terus melaksanakan program-program yang meningkatkan budaya membayar balik pinjaman dalam kalangan peminjam untuk kelestariannya bagi menjamin pembiayaan pelajar masa hadapan," katanya.

Menurutnya, walaupun berdepan dengan krisis pandemik Covid-19, penabungan perlu diteruskan demi kepentingan pendidikan masa depan anak-anak.

Beliau mengharapkan sikap menabung perlu diterapkan pada peringkat awal kanak-kanak untuk kegunaan bagi menyambung pelajaran ke peringkat tertinggi serta waktu kecemasan dan sebagainya.

Tambah Ahmad Dasuki, SSPN menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat berganda bagi membolehkan ibu bapa memilih produk atau jenis simpanan yang bersesuaian dengan matlamat mereka.

"Antaranya, menikmati pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun bagi simpanan bersih, kadar dividen yang kompetitif.

"Selain itu, perlindungan takaful percuma bagi pendeposit yang mencapai simpanan RM1,000 dan ke atas memperoleh manfaat kematian atau kecacatan kekal menyeluruh, khairat kematian RM2,000 atas kematian penyimpanan dan RM500 atas kematian penerima manfaat dan lain-lain lagi," katanya.

Mengulas lanjut katanya, PTPTN tidak mahu dilihat sebagai pemberi pinjaman dan pengutip hutang semata-mata, tetapi sebaliknya menjadi tabung pendidikan untuk rakyat Malaysia.

Dasuki mengharapkan kerjasama dan sokongan padu dapat diberikan oleh pelbagai pihak bagi meneruskan usaha membudayakan penabungan dalam kalangan rakyat di Malaysia.

PRESTASI PTPTN TAHUN 2020



AKAUN BAHARU

436,101
Akaun

4.82 juta
Jumlah akaun SSPN terkumpul (2004-Disember 2020)



JUMLAH DEPOSIT SSPN

PENINGKATAN 45.58%
(2020 berbanding 2019)

RM1.99 bilion
Jumlah deposit SSPN (pencapaian tahun 2020)

RM1.37 bilion
(pencapaian tahun 2019)



KEUNTUNGAN PELABURAN

CATAT PENINGKATAN 15.7%

RM237.42 juta
2020

RM205.28 juta
2019



JUMLAH KUTIPAN BAYARAN BALIK

PENINGKATAN 115.06%

RM1.353 bilion
Jumlah bayaran balik (pencapaian tahun 2020)

RM1.175 bilion
Jumlah bayaran balik (sasaran tahun 2020)



SASARAN TAHUN 2021 (SIMPANAN DAN BAYARAN BALIK)

SASARAN UTAMA PTPTN

RM1.8 bilion
Jumlah deposit SSPN yang diterima

RM2.5 bilion
Jumlah bayaran balik yang diterima